

Kesesuaian Isi Kandungan, Masa, Kemudahan Dan Alatan Dan Kaedah Tunjuk Cara (Demonstrasi) Dalam Mata Pelajaran Kemahiran Teknikal Dari Perspektif Guru-Guru Kemahiran Hidup Di Sekolah Menengah Di Daerah Kuala Krai, Kelantan

Abdul Rahim Hamdan¹ & Mohd Zawawi Ismail²

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia 81310 Johor, Malaysia

ABSTRAK: Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kesesuaian isi kandungan, peruntukan masa, kemudahan dan alatan dan kaedah tunjuk cara (demonstrasi) dalam matapelajaran Kemahiran Teknikal dari perspektif guru-guru Kemahiran Hidup di Sekolah Menengah di Daerah Kuala Krai, Kelantan. Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah tinjauan berbentuk soal selidik. Sampel yang digunakan terdiri daripada 30 orang guru yang mengajar mata pelajaran Kemahiran Teknikal. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan Pakej Statistik Untuk Sains Sosial (SPSS) Versi 11.5. Hasil daripada analisis diterjemahkan dalam bentuk frekuensi, peratus dan min. Hasil kajian mendapati nilai purata min keseluruhan bagi empat persoalan mencatatkan 3.7 iaitu pada tahap penilaian tinggi. Jika dihalusi secara lebih terperinci mengikut item menunjukkan bahawa persoalan kajian yang kedua mencatatkan nilai min 3.3 iaitu pada tahap penilaian sederhana. Di samping itu, ujian-t digunakan untuk melihat perbezaan kesesuaian isi kandungan, peruntukan masa, kemudahan dan alatan dan kesesuaian kaedah tunjuk cara (demonstrasi) antara pengalaman mengajar guru-guru dalam mata pelajaran Kemahiran Teknikal peringkat Menengah Rendah. Dapatan daripada ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kesesuaian isi kandungan, peruntukan masa, kemudahan dan alatan dan kesesuaian kaedah tunjuk cara (demonstrasi) antara pengalaman mengajar guru-guru dalam mata pelajaran Kemahiran Teknikal peringkat Menengah Rendah. Disarankan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia dan Pihak Pentadbir Sekolah supaya mengkaji peruntukan masa yang dibekalkan untuk pengajaran matapelajaran Kemahiran Teknikal.

Katakunci: *Perspektif Guru, Kemahiran Teknikal, Kesesuaian Demonstrasi*

ABSTRACT: This research aimed to identify the appropriateness of the content, time allocation, facilities and tools, as well as demonstration techniques for lower secondary school students who are learning Living Skills' subject. This study is merely from the perspective of Living Skills' subject teachers who are teaching the Technical subjects in the district of Kuala Krai, Kelantan. The research instrument used in this study is questionnaires. The samples for this study are 30 Technical Skills teachers. The data and findings of this study are processed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 11.5. The data analysis from the findings is presented in the forms of frequency, percentage and min. The result shows that min values for the 4 research questions are 3.7 which are at the high level. By evaluating this accordingly to the item, it is clearly shown that the second research question shows an average min value of 3.3. Instead of that, the t-test is used to differentiate the appropriateness of contents, time allocation, facilities and demonstration techniques during the lesson as far as the teachers' experience are concerned. Result shows that there are no significant differences towards the appropriateness of the content, time allocation, facilities and tools, as well as the suitability of demonstration techniques, to be compared with the teachers' experience teaching the subject matters. It is recommended to the Ministry of

Education and School Administrator to evaluate the justification of the time allocation provided for teaching and learning of the Technical Subject.

Keywords: *Teacher's Perspective, Technical Skills, Demonstration Appropriateness*

1.0 PENGENALAN

Mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu adalah satu mata pelajaran teras berunsurkan teknologi di Tingkatan I hingga Tingkatan III. Kemahiran Hidup Bersepadu merupakan mata pelajaran berbentuk pravokasional yang telah digubal semula berasaskan mata pelajaran elektif Sains Pertanian, Seni Perusahaan, Ekonomi Rumah Tangga dan Perdagangan (Draf Kemahiran Hidup Program Peralihan, 1989).

Mata pelajaran ini juga digubal berlandaskan kepada Falsafah Pendidikan Negara. Ia dirancang untuk meningkatkan lagi daya pengeluaran negara melalui penglibatan masyarakat dan tenaga kerja secara produktif berlandaskan teknologi sejajar dengan dasar dan keperluan negara. Mata pelajaran ini merupakan sebahagian usaha pendidikan ke arah mempertingkatkan kemahiran teknologi dan keusahawanan. Mata pelajaran ini membekalkan kemahiran yang berguna dan berfungsi agar murid boleh bertindak dan mengendalikan kehidupan harian secara produktif dalam dunia teknologi dan industri yang kompleks dan sentiasa berubah. Murid dipupuk sikap kerja yang positif seperti menghargai kerja yang berkualiti tinggi, berinovasi dalam pembinaan projek, penuh yakin dan berdikari dalam daya usaha.

Aktiviti yang diberi tumpuan adalah bercorak kerja-buat-sendiri yang mudah berkaitan dengan pemasangan, pembinaan, baik pulih dan penyenggaraan. Disamping itu masakan, jahitan, tanaman, ternakan, pengurusan akaun dan perniagaan turut diberi tumpuan. Nilai murni, sikap yang positif dan budaya kerja yang baik diterapkan semasa menjalankan aktiviti amali agar kesepaduan dalam mata pelajaran ini dapat diwujudkan.

Dalam Huraian Sukatan Pelajaran Kemahiran Hidup semakan terbaru (2002), mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu adalah satu matapelajaran yang berunsurkan teknologi di Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3. Ia dirancang untuk meningkatkan daya pengeluaran negara melalui penglibatan masyarakat dan tenaga kerja secara produktif berlandaskan teknologi sejajar dengan dasar dengan keperluan Negara (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2002).

2.0 LATAR BELAKANG MASALAH

Di antara objektif KHB ialah untuk membolehkan pelajar menjalankan kerja mudah dengan sendiri tanpa bantuan orang lain. Untuk merealisasikan objektif ini pengajaran dijalankan dalam bentuk aktiviti dan kerja praktis yang pelbagai. Pengetahuan dalam kandungan pelajaran hendaklah disampaikan semasa sesuatu aktiviti dan kerja amali dijalankan (Yahya, 1993).

Pendidikan Kemahiran Hidup Bersepadu adalah matapelajaran pra-vokasional yang bertujuan untuk membekalkan pelajar dengan kemahiran-kemahiran asas. Ini adalah untuk membolehkan pelajar mengendalikan kehidupan secara produktif dalam dunia teknologi dan perindustrian yang kompleks dan sentiasa berubah-ubah. Kemahiran ini tertumpu kepada kemahiran menjalankan kerja buat sendiri yang mudah serta boleh dilakukan dalam pelbagai situasi.

Laporan Jemaah Nazir sekolah mendapati guru kurang yakin serta kurang keupayaan untuk melaksanakan pengajaran KHB secara total. (Utusan Malaysia, 7 September

1996). Ia meliputi penyampaian dan pembelajaran pengetahuan serta kemahiran yang terkandung dalam sukatan tersebut. Keluh kesah ini timbul bukan sahaja mereka kurang yakin terhadap kebolehan mereka, faktor minat, keadaan bengkel, bahan dan peralatan serta kefahaman isi kandungan sukatan.

Bertitik tolak daripada sukatan mata pelajaran KHB yang dirombak pada tahun 2002, penyelidik merasa perlunya dibuat kajian bagi mengenalpasti kesesuaian sukatan KHB elektif Kemahiran Teknikal berdasarkan kesesuaian isi kandungan, masa, alatan dan juga kaedah yang digunakan oleh guru mengikut pandangan guru-guru Kemahiran Hidup yang mengajar pilihan Kemahiran Teknikal peringkat menengah rendah.

3.0 PERNYATAAN MASALAH

Secara umumnya guru-guru Kemahiran Hidup sekolah menengah rendah dijangka dapat mendalami pengetahuan dan kefahaman mengenai matlamat mata pelajaran Kemahiran Hidup, menguasai isi kandungan sukatan pelajaran ini melalui strategi dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta mempraktikkan pelbagai strategi pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan di dalam bilik darjah.

Pengajaran yang baik dihasilkan oleh keupayaan untuk merangsangkan murid supaya menimbulkan minat mereka untuk melibatkan diri di dalam proses pembelajaran, mengadakan suasana yang boleh mendatangkan proses pemikiran serta mengekalkan konsep itu (Atan Long, 1978).

Penyelidik ingin mengkaji sejauh mana kesesuaian isi kandungan, peruntukan masa, kemudahan dan alatan dan kaedah tunjuk cara (demonstrasi) dalam mata pelajaran Kemahiran Teknikal untuk proses pengajaran dan pembelajaran peringkat menengah rendah. Bagi menjawab persoalan tersebut, satu kajian yang terperinci dibuat bagi menilai kesesuaian isi kandungan, peruntukan masa, kemudahan dan alatan dan kaedah tunjuk cara (demonstrasi) untuk pelajaran menengah rendah mengikut pandangan guru-guru Kemahiran Hidup yang mengajar Mata Pelajaran Kemahiran Teknikal.

4.0 OBJEKTIF KAJIAN

- i. Menenalpasti kesesuaian isi kandungan mata pelajaran Kemahiran Teknikal bagi pengajaran dan pembelajaran peringkat menengah rendah.
- ii. Menenalpasti masa yang diperuntukkan sesuai bagi sesuatu sesi pengajaran mata pelajaran Kemahiran Teknikal peringkat menengah rendah.
- iii. Menenalpasti kemudahan dan alatan mencukupi bagi proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Kemahiran Teknikal peringkat menengah rendah.
- iv. Menenalpasti kesesuaian kaedah tunjuk cara (demonstrasi) dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran kemahiran teknikal peringkat menengah rendah.

5.0 SOROTAN KAJIAN

5.1 Kemahiran hidup bersepadu (KHB)

Kemahiran Hidup Bersepadu merupakan satu mata pelajaran amali yang berunsurkan teknologi. Ia ditawarkan kepada semua murid di Tingkatan I hingga Tingkatan III. Mata pelajaran ini dirancang sedemikian rupa untuk mencapai matlamat ke arah mempertingkatkan

produktiviti negara melalui penglibatan masyarakat secara kreatif, inovatif dan produktif. Mata pelajaran ini digubal ke arah membekalkan tenaga kerja yang berpengetahuan dan mahir dalam teknologi dan ekonomi serta sanggup bekerjasama dan sentiasa bersedia untuk belajar dalam suasana bekerja. Tenaga kerja yang sedemikian rupa dapat memenuhi inspirasi, aspirasi dan keperluan negara yang sedang membangun dalam zaman yang sedang menyaksikan kemajuan teknologi komunikasi maklumat.

Mengikut Pekeliling Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 4 November 1988 semua guru Kemahiran Hidup dimestikan mengajar semua komponen yang terdapat dalam Kemahiran Hidup Program Peralihan. Sukatan pelajaran ini telah dirombak sekali lagi apabila matapelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu mula diperkenalkan pada tahun 1991. Elektif Perdagangan telah dimansuhkan dan yang tinggal hanyalah Manipulatif Tambahan, Ekonomi Rumah Tangga dan Sains Pertanian. Bagi pilihan Manipulatif Tambahan peratusan bidang yang terkandung didalamnya adalah terdiri daripada 60 peratus bidang Manipulatif, 20 peratus Perdagangan dan Keusahawanan dan 20 peratus bidang Pertanian. Bagi pilihan Ekonomi Rumah Tangga dan Sains Pertanian 60 peratus dari Manipulatif, 20 peratus Perdagangan dan Keusahawanan dan 20 peratus lagi adalah dari bidang masing-masing. Rombakan terkini sukatan mata pelajaran kemahiran Hidup adalah dalam tahun 2002 dengan menawarkan pilihan elektif Kemahiran Teknikal, Ekonomi Rumahtangga, Pertanian dan Perdagangan dan Keusahawanan.

Pada 3 Mei hingga 5 Mei satu kursus peringkat kemahiran dalam bidangelektronik untuk kakitangan sumber sekolah menengah telah diadakan di Pusat Perkembangan Kurikulum Kuala Lumpur. Bermula dari tahun 1990, Maktab Perguruan Teknik mula membuat pengambilan pelatih untuk pengkhususan kemahiran hidup bersepadu. Kumpulan pelatih pertama pengkhususan ini mula mengajar pada tahun 1992. Pada tahun 1996, bidang rekacipta telah dimasukkan ke dalam sukatan pelajaran kemahiran hidup bersepadu. Bidang ini telah disepadukan dalam sukatan yang sedia ada. Pelajar didedahkan dengan konsep rekacipta dan mereka digalakkan untuk membuat projek amali berasaskan rekacipta mereka sendiri.

Salleh Hassan (1994), menyatakan Kemahiran Hidup Bersepadu adalah matapelajaran yang lengkap. Ia meliputi pelbagai bidang kemahiran dan nilai-nilai murni. Perlaksanaannya dapat memenuhi falsafah dan aspirasi kurikulum bersepadu sekolah menengah iaitu melahirkan insan yang seimbang dan harmonis. Kesimpulan daripada penjelasan diatas dapatlah dikatakan bahawa guru-guru yang mengajar mata pelajaran kemahiran hidup bersepadu kini mempunyai tugas dan tanggungjawab yang besar. Mereka terpaksa sentiasa meningkatkan keupayaan diri bagi memastikan kejayaan perlaksanaannya.

5.2 Kesesuaian isi kandungan

Menurut Ramachandran dan Azni Jaffar (2003) di dalam jurnalnya, berdasarkan kepada persepsi guru-guru KH mengenai sukatan mata pelajaran Kemahiran Hidup, didapati majoriti daripada guru-guru bersetuju bahawa sukatan Kemahiran Hidup relevan dengan Falsafah Pendidikan Negara. Ini menunjukkan bahawa Kementerian Pendidikan mengambil kira kepentingan masyarakat dan kehendak negara.

Kesesuaian sukatan mata pelajaran juga perlu menitikberatkan kepada golongan pelajar selaku penerima perubahan dan juga guru sebagai agen kepada perubahan tersebut. Dapatan kajian oleh Ramachandran dan Azni Jaffar (2003) menunjukkan majoriti daripada guru KH tidak suka perubahan-perubahan yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Ini berpunca daripada perubahan yang dibuat terlalu drastik dan guru-guru tidak bersedia dari segi pengetahuan dan Kemahiran. Kementerian Pendidikan tidak mengambil kira pandangan guru-guru dalam merealisasikan program baru. Mengikut Stufflebeam, Forley dan

Guba (1971), untuk merencanakan sesuatu program baru, masalah yang wujud sebelum itu perlu diambil kira. Ini adalah untuk memastikan masalah itu diselesaikan.

Abu Bakar Nordin (1991) telah mencadangkan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia supaya membuat pilihan yang rapi terhadap aktiviti-aktiviti dan kurikulum bagi menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Beliau mencadangkan tiga langkah sebagai panduan semasa memilih setiap kurikulum tersebut, iaitu menentukan objektif yang paling sesuai untuk kurikulum-kurikulum itu, mengetahui keadaan yang membolehkan sesuatu kurikulum itu mencapai kejayaan, dan meneliti sifat-sifat kurikulum berkenaan untuk mengetahui bahagian yang tetap dan bahagian yang boleh diubahsuai mengikut keadaan. Di antara kurikulum yang sesuai untuk strategi pengajaran pembelajaran bagi guru-guru ialah kuliah, tunjukcara, pemerhatian, temuramah, percambahan fikiran, buzz, perbincangan kelompok kecil dan main peranan.

Mengikut Abdul Raof Dalip (1991) sesungguhnya kejayaan sukatan pelajaran baru bergantung besar kepada keupayaan guru untuk melaksanakannya dengan penuh semangat dan dedikasi. Oleh itu, guru sepatutnya memahami dan menguasai terlebih dahulu tentang sesuatu kurikulum dari segi matlamatnya dan perlu diberi latihan yang secukupnya. Sepertimana yang kita sedia maklum KH merupakan gabungan kepada empat kemahiran iaitu Sains Pertanian, Seni Perusahaan, Perdagangan dan Ekonomi Rumah Tangga. Ini merumitkan guru untuk mengajar topik yang mereka tidak pernah belajar. Ada guru-guru tidak diberi latihan yang mencukupi untuk melaksanakan program KH. Didapati, majoriti daripada guru tidak diberi kursus yang mencukupi dalam topik-topik yang terdapat dalam sukatan KH seperti enjin, lukisan teknik, perakaunan, letrik dan sebagainya. Akibatnya mereka sukar menerima perubahan yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan Malaysia kerana mereka tidak bersedia untuk mengajar kurikulum yang baru dalam mata pelajaran KH.

Mengikut Stufflebeam (1971) sesuatu program dikira berjaya jika kelemahan-kelemahan dalam setiap dimensi itu berjaya diperbaiki dan hasil setiap dimensi menunjukkan tanda-tanda yang baik. Dengan mengkaji pencapaian objektif pengajaran dan pembelajaran KH, guru dapat mengetahui sama ada objektif KH ini tercapai atau tidak. Objektif KH adalah untuk melatih pelajar-pelajar berdikari dan di samping menggunakan pelajaran yang mereka pelajari untuk kegunaan di rumah. Dengan cara ini kita akan dapat maklumat akan keberkesanannya nanti.

5.3 Peruntukan masa

Elemen masa dalam konteks pembelajaran seseorang pelajar ada kaitannya dengan kadar dan tahap tenaga pada keadaan berbeza bagi hari tersebut. Sama ada masa yang dipilih untuk konsentrasi dalam pembelajaran itu sesuai pada waktu pagi, tengahari atau petang adalah perkara yang berbeza antara satu individu dengan individu yang lain. Setiap pelajar mempunyai tahap pemikiran yang berbeza untuk menerima sesuatu pelajaran. Pelajar yang lemah memerlukan lebih masa untuk memahami sesuatu pengajaran berbanding pelajar yang pintar. Begitu juga dalam melakukan aktiviti amali atau kemahiran, tahap penerimaan pelajar mempunyai jurang perbezaan untuk melakukan sesuatu tugas.

Dalam mata pelajaran KH peruntukan masa yang diberikan ialah empat waktu seminggu yang mengandungi 160 minit. Pengagihan waktu seminggu di dalam KH tidak seragam. Ini semua bergantung kepada budi bicara pihak pentadbir sekolah. Dalam penyediaan jadual waktu, faktor kesesuaian mata pelajaran perlu dipertimbangkan untuk memenuhi kehendak mata pelajaran tersebut. Penjadualan waktu pengajaran haruslah disusun dengan baik supaya mata pelajaran itu dapat disampaikan pada waktu yang sesuai kepada

pelajar. Disamping itu, jadual waktu yang tersusun kurang merumitkan pelaksanaan pengajaran.

Untuk melicinkan pelaksanaan KH, pihak sekolah telah memberi kerjasama yang baik bagi memastikan bahawa program KH dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Keberkesanan sesuatu pengajaran dan pembelajaran itu bergantung kepada kesesuaian dalam penyusunan jadual waktu (Fowziah, 1995). Dalam kajian ini didapati kebanyakan daripada sekolah menggunakan kombinasi jadual waktu dua waktu (double period) sekali dalam satu masa pengajaran. Ini amat sesuai dengan perjalanan program KH kerana ia memudahkan untuk merancang kerja projek yang berbentuk amali. Jadual waktu yang sistematik kurang menimbulkan masalah kepada guru-guru terutamanya dari segi kelicinan proses pengajaran dan pembelajaran (Fowziah, 1995).

Di samping itu juga didapati penyusunan jadual waktu dibuat dengan baik dan mengambil kira kehendak mata pelajaran tersebut. Tidak banyak berlaku pertindihan dalam penggunaan bengkel dan ia berjaya dielak oleh pihak sekolah. Perjalanan amali pertanian juga dibuat mengikut situasi amali iaitu pada waktu pagi. Kajian ini juga tidak selari dengan dapatan yang dibuat oleh penyelidik-penyelidik sebelum ini. Di antaranya ialah Mardevan (1990) yang menyatakan bahawa pelaksanaan jadual waktu KH tidak sesuai dengan waktu amali contohnya dalam amali pertanian di mana guru membawa pelajar-pelajar ke kebun pada waktu 12.00 tengah hari. Ini tidak sesuai dengan amalan pertanian yang sebenarnya. Guru-guru merungut kerana penyusunan jadual yang tidak memuaskan.

Masalah yang timbul dari perubahan, persediaan dan kesediaan guru adalah faktor penting untuk menentukan keberkesanan pelaksanaan sesuatu kurikulum baru. Memandangkan topik KH terlalu banyak dan peruntukan waktu yang terhad, pelajar-pelajar kadang-kadang terpaksa menyiapkan kerja projek sehingga dua minggu di rumah kerana peruntukan masa yang digunakan di sekolah tidak mencukupi untuk menyiapkan kerja tersebut. Perancangan perlu dibuat agar pelaksanaan sesuatu program dapat dijalankan dengan lebih teratur dan memberi manfaat kepada pelajar-pelajar.

5.4 Alatan dan kemudahan

Untuk memenuhi keperluan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran KH, pihak sekolah perlulah menyediakan peralatan yang mencukupi supaya pelajar dapat belajar dalam keadaan yang memuaskan tanpa sebarang halangan yang boleh mengganggu proses pembelajaran (Rohana, 1996). Dari aspek persediaan bengkel, ladang dan rumah bunga perlu disediakan bagi melicinkan pelaksanaan kurikulum KH. Dengan adanya kemudahan tersebut latihan amali dapat dijalankan tanpa sebarang gangguan daripada pihak lain (Rohana, 1996). Pelajar-pelajar akan bergerak ke tempat amali sementara guru akan menunggu di bengkel atau pun di ladang. Dengan cara ini murid-murid mempunyai tempat khas untuk menjalankan projek dan menyimpan hasil-hasil projek.

Untuk memastikan pelajar mencapai tahap penguasaan yang maksima dalam pembelajaran peralatan dan kemudahan mestilah mencukupi, boleh digunakan dan diselenggarakan dengan baik. Ketidacukupan peralatan ini menyebabkan pelajar tidak mendapat pengetahuan cara menggunakan dan mengendalikan sesuatu alatan. Pelajar-pelajar mungkin mahir tetapi ditahap yang rendah dan sederhana. Untuk menentukan sesuatu program itu berjaya, sumber-sumber dalam dimensi input perlu mencukupi bagi memastikan penggunaan yang optimum. Walaupun guru-guru dan pelajar menyatakan hasil yang diperolehi dari aspek tingkahlaku, kemahiran dan pengetahuan adalah baik selepas tamat tingkatan tiga, tetapi ia tidak mencerminkan ia berjaya seratus peratus kerana kejayaan sesuatu program ditentukan dengan kemudahan asas yang disediakan.

Saharin (1993), menyatakan dalam kajiannya, kerja amali Kemahiran Hidup tidak dapat dilaksanakan sekiranya peralatan digunakan tidak mencukupi kerana guru tidak mengetahuinya disebabkan tidak berpengetahuan dalam pelaksanaan bengkel. Begitu juga pengetahuan tentang mesin dan pengendalian mesin Menurut Mok Soon Sang (1996), untuk mencapai prestasi yang baik di bidang akademik pihak sekolah sepatutnya mempunyai kemudahan fizikal yang baik seperti meja, kerusi, alat-alatan, dan ruang pembelajaran yang selesa bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran tanpa ada sebarang gangguan dari pihak luar. Pengelolaan bilik darjah yang baik akan mewujudkan suasana yang selesa, sistematik, berdisiplin dan dapat mempengaruhi pencapaian yang baik

Menurut Othman Md. Johan (1995), keadaan fizikal bilik darjah yang sesuaipatutlah diwujudkan. Kelas seharusnya cukup besar untuk menampung semua pelajar dalam keadaan yang selesa. Baharudin Othman (1998), pula menyatakan bahawa iklim dan susun atur peralatan di bilik darjah yang terancang dan sesuai dengan aktiviti-aktiviti pendidikan akan membawa kesan yang positif dan dapat mempertingkatkan prestasi dalam pembelajaran.

5.5 Jenis Kaedah.

Kaedah yang baik dan sesuai dapat membantu pelajar-pelajar membina nilai yang baik dan sikap yang betul terhadap kerja, menekankan pembelajaran yang bertujuan konkrit dan realistik, memberi peluang pelajar menggunakan pengetahuan yang dipelajari, melatih murid belajar sendiri, mengembangkan kebolehan berfikir dan melahirkan pendapat dengan jelas dan meluaskan minat pelajar-pelajar (Musa Daia, 1992).

Kini, berbagai-bagai pendekatan dan kaedah lain telah dikemukakan, dikajikan kemudian diaplikasikan. Tiada satu kaedah yang paling baik untuk semua situasi pengajaran. Kebiasaannya berbagai-bagai kaedah digunakan bersama mengikut kesesuaian. Menurut Sharifah Alawiyah (1983) guru harus mengetahui, memahami dan dapat menggunakan kesemua kaedah ini, dan memilih kaedah-kaedah yang paling berkesan untuk pengajarannya.

Kerja praktik boleh ditakrifkan sebagai suatu aktiviti yang mempunyai tujuan untuk mendapatkan hasil daripada kerjanya. Dalam pengajaran amali, kaedah kerja praktik ialah suatu kaedah yang digunakan untuk melatih murid-murid menggunakan alatan dan yang paling utama ia digunakan untuk menguasai kemahiran dalam sesuatu bidang kursus. Dalam pengajaran amali kimpalan, kaedah kerja praktik merupakan kaedah yang utama.

Tunjuk cara atau lebih dikenali sebagai demonstrasi adalah satu teknik pengajaran dan pembelajaran yang boleh diamalkan oleh guru-guru dalam bengkel. Kaedah ini menegaskan pemusatan aktiviti yang melibatkan individu tertentu menunjukkan cara membuat sesuatu atau menghasilkan sesuatu di hadapan individu-individu lain. Teknik ini menekankan kepada pemusatan perhatian pelajar-pelajar terhadap langkah-langkah atau prosedur, atau peraturan-peraturan yang terlibat dengan sesuatu proses 'manual'. Tujuan kaedah ini ialah untuk menunjukkan sesuatu prinsip supaya pelajar-pelajar dapat melakukan sesuatu itu dengan cara yang sistematik, teratur, kemas dan berkesan. Apabila sesuatu demonstrasi ditunjukkan dengan cara yang berkesan, maka para pelajar akan dapat meniru perilaku guru tadi, dan kaedah ini juga boleh dipanggil 'peniruan pasif'.

6.0 METOD

6.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian yang telah dijalankan merupakan kajian yang berbentuk deskriptif. Dalam reka bentuk kajian ini, penyelidik telah menggunakan kaedah tinjauan yang berbentuk soal selidik. Dalam Majid (2000), kaedah tinjauan menerusi penggunaan soal selidik amat sesuai digunakan bagi mengumpul maklumat mengenai pembolehubah, malahan cara ini paling berkesan untuk mendapatkan maklumat tersebut. Dalam konteks kajian ini pembolehubah bebas ialah faktor kesesuaian sukatan mata pelajaran, peruntukan masa yang dibekalkan, kemudahan alatan dan bahan dan kaedah pengajaran dan penggunaan kaedah tunjukcara untuk pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran kemahiran teknikal di peringkat Menengah Rendah.

6.2 Sampel Kajian

Sampel kajian yang telah dijalankan terdiri daripada 30 orang guru KHB yang mengajar Kemahiran Teknikal di Daerah Kuala Krai. Di dalam kajian ini, penyelidik menggunakan keseluruhan populasi sebagai sampel kajian. Mohd Najib (1999) menyatakan bahawa jika jumlah populasinya adalah kecil penyelidik boleh menggunakan keseluruhan ahli sebagai sampel. Justeru itu, keputusan penyelesaian masalah yang dibuat adalah lebih tepat. Sebanyak 9 buah sekolah digunakan bagi tujuan mendapatkan maklumat.

6.3 Instrumen Kajian

Soal selidik adalah instrumen yang digunakan dalam kajian ini. Beberapa perkara telah dipertimbangkan untuk memilih instrumen jenis ini, seperti Responden lebih mudah memberi tindakbalas terhadap aspek-aspek yang dikaji kerana responden hanya perlu memilih jawapan sesuai yang telah disediakan. Ini berbeza dengan kaedah temubual di mana responden terpaksa berfikir dan terikat dengan emosi. Instrumen jenis ini adalah lebih cepat, menjimatkan masa dan menjimatkan kos. Soal selidik yang dibina mengandungi 2 bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Soalan-soalan dibina berdasarkan persoalan dan objektif kajian.

Bahagian A mengandungi 6 soalan yang bertujuan untuk mengetahui latarbelakang responden. Responden dikehendaki menandakan (✓) pada kotak jawapan yang disediakan. Bahagian B mengandungi 40 item pernyataan yang berkaitan dengan 4 pembolehubah iaitu persepsi guru-guru terhadap faktor kesesuaian isi kandungan mata pelajaran, peruntukan masa yang dibekalkan, kemudahan alatan dan bahan dan kaedah tunjukcara dalam pengajaran dan pembelajaran untuk pengajaran subjek kemahiran teknikal di peringkat Menengah Rendah.

Responden dikehendaki menyatakan peringkat persetujuan terhadap item-item yang diberikan dengan membulatkan nombor-nombor yang diletakkan diakhir item. Skala Likert digunakan untuk mengukur persepsi responden.

Jadual 1: Pengkelasan semula skala likert

Likert	Pengkelasan
5 dan 4	Bersetuju
3	Tidak Pasti
2 dan 1	Tidak Bersetuju

6.4 Kajian Rintis

Satu kajian rintis telah diadakan di SMK Tunku Abdul Majid, Majidee, SMK Seri Tebrau dan SMK Taman Molek, Johor Bahru. Kajian rintis ini menggunakan item-item dalam borang soal selidik yang akan digunakan sebagai alat pengumpulan data untuk kajian ini. Kajian rintis ini bertujuan untuk menguji keesahan dan kebolehpercayaan item-item yang dikemukakan di samping dapat memperbaiki sebarang kelemahan yang timbul semasa kajian rintis ini dijalankan. Hasil dari kajian rintis ini akan dianalisis menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package of Social Science for Windows*) 11.5. Kajian rintis telah dijalankan ke atas 10 orang guru di tiga buah sekolah tersebut. Daripada kajian rintis yang dijalankan nilai alpha yang diperolehi adalah 0.742 dan beberapa perubahan telah dibuat bagi memantapkan soalan yang dikaji.

7.0 DAPATAN KAJIAN

7.1 Analisis Data

Jadual 2: Taburan bilangan dan peratus responden mengikut jantina

Bil	Jantina	Kekerapan (f)	Peratus (%)
1	Lelaki	22	73.3
2	Perempuan	8	26.7
	Jumlah	30	100

Berdasarkan Jadual 2, jumlah responden dalam kajian ini ialah seramai 30 orang guru yang mengajar KHB di 9 buah sekolah menengah di daerah Kuala Krai, Kelantan. Kebanyakan responden terdiri daripada guru lelaki dimana peratusannya lebih tinggi daripada peratusan guru perempuan iaitu sebanyak 73.3 % (22 orang) berbanding guru perempuan 26.7% (8 orang) sahaja. Merujuk kepada data ini dapatlah dinyatakan bahawa guru lelaki lebih ramai mengajar mata pelajaran KHB pilihan Kemahiran Teknikal di daerah Kuala Krai, Kelantan.

7.2 Isi kandungan matapelajaran Kemahiran Teknikal sesuai untuk pengajaran dan pembelajaran peringkat menengah rendah

Jadual 3: Analisis Kekerapan, Peratusan Dan Min Responden Yang Menjawab Item Bagi Kesesuaian Isi Kandungan Mata pelajaran Kemahiran Teknikal.

Bil	Item	Tidak Setuju		Tidak Pasti		Setuju		Min	Tahap Penilaian
		f	%	f	%	f	%		
1	Saya dapati isi kandungan Kemahiran Teknikal sesuai pada pelbagai tahap pembelajaran kumpulan sasaran	5	16.6	2	6.7	23	76.7	3.6	Tinggi
2	Saya dapati isi kandungan mata pelajaran Kemahiran teknikal lengkap, mantap dan sempurna	6	20.0	5	16.7	19	63.3	3.4	Tinggi
3	Isi kandungan Kemahiran Teknikal menggalakkan pelajar-pelajar meningkatkan minat terhadap pembelajaran mata pelajaran ini	4	13.3	3	10.0	23	76.7	3.7	Tinggi
4	Isi kandungan mata pelajaran Kemahiran Teknikal sesuai dengan keperluan semasa negara.	4	13.3	1	3.3	25	83.4	3.8	Tinggi
5	Isi kandungan mata pelajaran Kemahiran Teknikal dapat mengintegrasikan isi kandungan dengan kemahiran daripada beberapa bidang lain.	4	13.3	4	13.3	22	73.4	3.7	Tinggi
6	Terdapat prinsip pengulangan dalam penyusunan sukatan pelajaran mata pelajaran Kemahiran Teknikal	4	13.3	6	20.0	20	66.7	3.5	Tinggi
7	Terdapat prinsip progresif (dari mudah ke kompleks) dalam penyusunan isi kandungan mata pelajaran Kemahiran Teknikal.	5	16.7	7	23.3	18	60.0	3.4	Tinggi
8	Tajuk-tajuk yang dipilih untuk setiap tahap adalah bersesuaian dengan perkembangan dan pertumbuhan pelajar pada peringkat tersebut	7	23.3	1	3.3	22	73.4	3.7	Tinggi
9	Tajuk-tajuk di dalam isi kandungan Kemahiran Teknikal diberikan secara terperinci untuk membantu guru	4	13.3	5	16.7	21	70.0	3.6	Tinggi

10	dalam menentukan skop pengajarannya Isi kandungan yang disusun adalah bersesuaian dengan tahap pelajar	3	10	3	10	24	80.0	3.8	Tinggi
Jumlah Purata Min								3.7	Tinggi

Jadual 3 menunjukkan kekerapan responden mengikut peratus dan min bagi faktor Kesesuaian Isi Kandungan Mata pelajaran Kemahiran Teknikal. Sebanyak 10 item (pernyataan) dikemukakan dalam persoalan kajian yang pertama, manakala bilangan responden ialah seramai 30 orang.

Min yang tertinggi di catatkan ialah sebanyak 3.8 pada item yang ke 10 dan item keempat. Pada item ke 10 iaitu seramai 24 responden bersetuju mewakili 80.0% manakala hanya 3 responden yang tidak bersetuju dan tidak pasti iaitu masing-masing mewakili 10%. Item 10 adalah Isi kandungan yang disusun adalah bersesuaian dengan tahap pelajar.

Dari hasil keseluruhan analisis terhadap persoalan kajian yang pertama didapati min keseluruhan ialah 3.7 yang menunjukkan berada pada tahap penilaian tinggi. Terdapat tiga item yang mempunyai nilai min bersamaan min keseluruhan iaitu item 3, 5 dan 8.

7.3 Masa yang diperuntukkan sesuai untuk pengajaran dan pembelajaran peringkat menengah rendah

Jadual 4: Analisis Kekerapan, Peratusan Dan Min Responden Yang Menjawab Item Bagi Masa yang diperuntukkan untuk pengajaran Mata pelajaran Kemahiran Teknikal.

Bil	Item	Tidak Setuju		Tidak Pasti		Setuju		Min	Tahap Penilaian
		f	%	f	%	f	%		
11	Jumlah masa pengajaran yang diperuntukkan adalah mencukupi	17	56.7	4	13.3	9	30.0	2.6	Sederhana
12	Sebarang bentuk kerja amali dapat dilaksanakan dalam masa yang diperuntukkan.	15	50.0	3	10.0	12	40.0	2.8	Sederhana
13	Penyediaan bahan untuk kelas amali dapat dilakukan dengan baik tanpa mengganggu waktu pengajaran dan pembelajaran	13	43.3	2	6.7	15	50.0	3.1	Tinggi
14	Saya memerlukan masa yang banyak bagi kerja-kerja penyediaan alatan dan bahan untuk kelas amali	6	20.0	3	10.0	21	70.0	3.5	Tinggi
15	Pelajar dapat menyiapkan Kerja Kursus dalam tempoh masa yang ditetapkan	12	40.0	4	13.3	14	46.7	3.0	Tinggi
16	Pelajar dapat menguasai	11	36.7	6	20.0	13	43.3	3.0	Sederhana

17	kemahiran yang diajar dalam masa yang diperuntukkan Masa yang diperuntukkan membolehkan saya melaksanakan aktiviti yang dirancang	7	23.3	1	3.3	22	73.4	3.6	Tinggi
18	Saya akan beralih ke tajuk yang baru mengikut peruntukan masa walaupun terdapat pelajar yang belum dapat menguasai kemahiran yang ditetapkan	8	26.7	2	6.7	20	66.6	3.5	Tinggi
19	Biasanya saya menggunakan masa pengajaran teori untuk pelajar menyiapkan kerja amali	10	33.3	1	3.3	19	63.4	3.4	Tinggi
20	Kebanyakan pelajar terpaksa menggunakan lebih masa daripada yang diperuntukkan untuk menyiapkan kerja amali	2	6.7	2	6.7	26	86.6	4.2	Tinggi
Jumlah Purata Min								3.3	Sederhana

Jadual 4 di sebelah menunjukkan taburan responden mengikut peratus dan nilai min bagi masa yang diperuntukkan untuk pengajaran mata pelajaran Kemahiran Teknikal.

Nilai min yang tertinggi adalah 4.2 pada item 20. Seramai 26 responden bersetuju bahawa kebanyakan pelajar terpaksa menggunakan lebih masa daripada yang diperuntukkan untuk menyiapkan kerja amali. Ini dapat diwakili oleh sebanyak 86.6%. Manakala 2 responden tidak bersetuju terhadap item 20 yang mewakili 6.7%.

Keseluruhannya pada persoalan kajian ini yang berkaitan dengan kesesuaian masa yang diperuntukkan untuk mengajar matapelajaran Kemahiran Teknikal di peringkat Menengah Rendah menampakkan nilai purata min pada tahap penilaian sederhana iaitu 3.3. Dapat juga dinyatakan bahawa terdapat 5 dari 10 item mempunyai nilai min berada dibawah tahap penilaian tinggi.

7.4 Kemudahan dan alatan mencukupi bagi proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Kemahiran Teknikal peringkat menengah rendah

Jadual 5: Analisis Kekerapan, Peratusan Dan Min Responden Yang Menjawab Item Bagi Kemudahan Dan Alatan Bagi Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Mata Pelajaran Kemahiran Teknikal

Bil	Item	Tidak Setuju		Tidak Pasti		Setuju		Min	Tahap Penilaian
		f	%	f	%	f	%		
21	Alatan yang terdapat di	13	43.3	1	3.3	16	53.3	3.1	Sederhana

22	dalam bengkel mencukupi untuk digunakan oleh pelajar Ruang kerja di dalam bengkel selesa untuk proses kerja amali dilakukan	9	30.0	1	3.3	20	66.7	3.6	Tinggi
23	Alatan yang digunakan membolehkan pelajar mengaplikasikan kemahiran diajar	1	3.3	1	3.3	28	93.4	4.1	Tinggi
24	Bahan yang terdapat di bengkel Mencukupi untuk proses pembelajaran.	7	23.3	1	3.3	22	73.4	3.7	Tinggi
25	Bengkel Kemahiran Hidup Mempunyai system pengudaraan yang baik bagi menjalankan kerja Amali	5	16.6	0	0	25	83.4	3.8	Tinggi
26	Terdapat tempat penyediaan bahan untuk guru di dalam bengkel Kemahiran Hidup.	10	33.3	2	6.7	18	60.0	3.3	Sederhana
27	Bengkel Kemahiran Hidup Mempunyai mesin kerja untuk Memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran	5	16.7	1	3.3	24	80.0	3.7	Tinggi
28	Alat tangan yang terdapat di dalam Bengkel sentiasa selamat digunakan oleh pelajar untuk melakukan kerja amali.	2	6.7	1	3.3	27	90.0	3.9	Tinggi
29	Bengkel Kemahiran Hidup Mempunyai sistem pengcahayaan yang baik	3	10.0	1	3.3	26	86.7	3.9	Tinggi
30	Terdapat pintu kecemasan jika berlaku kebakaran di bengkel Kemahiran Hidup	6	20.0	0	0	24	80.0	3.7	Tinggi
Jumlah Purata Min								3.7	Tinggi

Jadual 5 merupakan taburan responden mengikut peratus dan min bagi kemudahan dan alatan mencukupi bagi proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Kemahiran Teknikal peringkat menengah rendah.

Secara keseluruhannya, persoalan kajian berkaitan tentang kemudahan dan alatan mencukupi bagi proses pengajaran dan pembelajaran subjek Kemahiran Teknikal peringkat menengah rendah menampakkan nilai purata min yang agak tinggi iaitu 3.7. Ini adalah kerana terdapat 8 daripada 10 item mendapat nilai min yang lebih dari 3.5.

7.5 Kaedah tunjuk cara (Demonstrasi) sesuai dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran kemahiran teknikal peringkat menengah rendah

Jadual 6: Analisis Kekerapan, Peratusan Dan Min Responden Yang Menjawab Item Bagi Kaedah Tunjuk Cara (Demonstrasi)

Bil	Item	Tidak Setuju		Tidak Pasti		Setuju		Min	Tahap Penilaian
		f	%	f	%	f	%		
31	Kaedah demonstrasi sesuai digunakan dalam kerja amali	5	16.6	2	6.7	23	76.7	3.9	Tinggi
32	Kaedah demonstrasi memudahkan pelajar menguasai kemahiran yang diajar	6	20.0	2	6.7	22	73.3	3.8	Tinggi
33	Pelajar lebih berminat untuk melakukan kerja amali selepas saya melakukan demonstrasi	6	20.0	4	13.3	20	66.7	3.8	Tinggi
34	Saya sering melaksanakan langkah-langkah demontrasi dengan teratur dan baik	4	13.3	4	13.3	22	73.4	3.9	Tinggi
35	Saya melakukan kaedah demonstrasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi memberi keyakinan kepada pelajar	6	20.0	2	6.7	22	73.3	3.8	Tinggi
36	Teknik demonstrasi adalah lebih berkesan dalam P&P saya.	1	3.3	3	10.0	26	86.7	4.2	Tinggi
37	Kaedah demontrasi memudahkan tugas saya menyampaikan sesi P&P.	4	13.3	2	6.7	24	80.0	4.1	Tinggi
38	Saya sering menggunakan kaedah demonstrasi supaya proses P&P saya lebih berkesan	5	16.6	2	6.7	23	76.7	4.0	Tinggi
39	Saya selalu menggunakan kaedah demontrasi apabila melibatkan Penggunaan mesin yang berbahaya	8	26.7	0	0.0	22	73.3	3.8	Tinggi
40	Pelajar akan merasa lebih yakin dan berani untuk melakukan amali sekiranya saya melakukan pengajaran menggunakan kaedah demonstrasi.	6	20.0	3	10.0	21	70.0	3.9	Tinggi
Jumlah Purata Min								3.9	Tinggi

Dalam persoalan kajian ini, penyelidik mahu menilai adakah kaedah tunjuk cara (demonstrasi) sesuai dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran kemahiran teknikal peringkat menengah rendah. Pada Jadual 6 di sebelah menunjukkan taburan responden mengikut peratus dan min bagi kaedah tunjuk cara (demonstrasi) sesuai dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran kemahiran teknikal peringkat menengah rendah.

Secara keseluruhannya, persoalan kajian tentang kesesuaian kaedah tunjuk cara (demonstrasi) dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran kemahiran teknikal

peringkat menengah rendah memperlihatkan purata min pada tahap penilaian tinggi iaitu 3.9. Ini adalah kerana kesemua 10 item mencatatkan nilai min melebihi 3.5 iaitu tahap penilaian tinggi.

8.0 PERBINCANGAN

8.1 Kesesuaian isi kandungan matapelajaran Kemahiran Teknikal

Isi kandungan matapelajaran yang digubal mestilah berdasarkan kehendaksemasa dan memenuhi anspirasi negara dalam melahirkan modal insan yang dinamikdan progresif. Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan peratusguru-guru KHB di daerah Kuala Krai yang bersetuju terhadap kesesuaian isikandungan matapelajaran Kemahiran Teknikal. Nilai min keseluruhan bagiPersoalan Kajian Pertama ini juga menunjukkan berada pada tahap tinggi iaitu 3.7. Kebanyakan guru-guru KHB bersetuju terhadap isi kandungan yang disusun adalahbersesuaian dengan tahap pelajar dan isi kandungan mata pelajaran KemahiranTeknikal sesuai dengan keperluan semasa negara.

Ini bersesuaian dengan kajian yang telah dilakukan oleh Ramachandran dan Azni Jaffar (2003) di dalam jurnalnya, berdasarkan kepada persepsi guru-guru KH mengenai sukatan matapelajaran Kemahiran Hidup, didapati majoriti daripada gurugurubersetuju bahawa sukatan Kemahira Hidup relevan dengan Falsafah Pendidikan Negara. Ini menunjukkan bahawa Kementerian Pendidikan mengambil kira kepentingan masyarakat dan kehendak negara.

Kenyataan ini dibuktikan lagi apabila 76.7% responden bersetuju bahawa isi kandungan Kemahiran Teknikal menggalakkan pelajar-pelajar meningkatkan minat terhadap pembelajaran. Apabila minat pelajar timbul terhadap mata pelajaran ini, ia seharusnya menunjukkan dengan jelas bahawa isi kandungan matapelajaran Kemahiran Teknikal adalah sesuai. Dengan peratusan tinggi diberikan oleh responden yang terdiri daripada guru-guru yang telah lama mengajar matapelajaran Kemahiran Teknikal boleh memperkukuhkan bukti bahawa isi kandungan mata pelajaran adalah sesuai.

Hasil yang diperolehi dari analisa data juga mendapati prinsip yang terdapat didalam isi kandungan matapelajaran Kemahiran Teknikal juga dikenalpasti sebagai salah satu elemen yang membuatkan responden bersetuju terhadap kesesuaian isi kandungan matapelajaran Kemahiran Teknikal. Prinsip tersebut ialah prinsip progresif iaitu pembelajaran dimulakan dari mudah kepada yang lebih kompleks. Apabila pembelajaran dilakukan dari pembelajaran yang mudah, ini akan menyebabkan pelajar lebih mudah memahami dan seterusnya akan menyebabkan timbulnya minat belajar.

Ini bersamaan dengan pendapat Ee Ah Meng (1987), guru-guru akan mendedahkan isi kandungan yang mudah sebelum melangkah lebih jauh lagi di dalam pengajarannya. Ini akan memudahkan para pelajar memahami konsep awal sesuatu isi kandungan mata pelajaran tersebut. Menurut Brophy dan Good (1998) menyatakan bahawa keberkesanan sesuatu pengajaran bergantung kepada kepelbagaian cara memperkenalkan sesuatu isi pelajaran. Di samping itu ianya harus meliputi penyampaian guru, perbincangan dan soaljawab. Hasil daripada ujian -t yang dijalankan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada aras keertian 0.05 terhadap kesesuaian isi kandungan antara pengalaman mengajar guru-guru.

8.2 Kesesuaian peruntukkan masa

Peruntukan masa yang disediakan untuk satu sesi pengajaran matapelajaran Kemahiran Teknikal ialah sebanyak 160 minit seminggu bersamaan 4 waktu. Peruntukan masa yang mencukupi membolehkan guru-guru KHB merancang aktiviti dan peringkat pengajaran dan pembelajaran dengan sempurna. Ini juga mengelakkan daripada memberikan tekanan dan beban kerja yang lebih kepada guru-guru bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung dengan jayanya. Daripada analisis yang dijalankan pada persoalan kedua, Min keseluruhan pada persoalan kajian kedua adalah sebanyak 3.3 dan berada pada tahap sederhana.

Bertepatan dengan kajian yang dijalankan oleh Noraini Dawood (1999) yang menyatakan bahawa terlalu banyak kandungan dalam mata pelajaran KHB yang perlu dipelajari dalam setahun dan ini memberi tekanan kepada pelajar dan guru dalam menghabiskan sukatan pelajaran. Kajian Siti Rabiah Naim (1999) juga menyokong dapatan kajian Noraini Dawood ini bahawa hasil kajiannya menunjukkan 92.6 % responden bersetuju masa yang diperuntukkan tidak mencukupi dan perlu ditambah. Bagi mengatasi masalah ini, guru-guru KHB perlu membuat perancangan masa yang berkesan.

Daripada analisis juga menunjukkan 40% guru-guru KHB di daerah Kuala Krai menyatakan pelajar tidak dapat menyiapkan Kerja Kursus dalam tempoh yang ditetapkan. Aspek peruntukan masa juga membawa masalah kepada guru-guru KHB melaksanakan pentaksiran kerja kursus yang mana guru-guru tidak dapat meluangkan masa bagi pelajar yang menghadapi masalah kehadiran dalam menyiapkan kerja kursus. Pelajar sering ponteng menyebabkan proses kerja kursus mereka ketinggalan dan tidak dapat menyiapkan dalam masa ditetapkan oleh LPM.

Guru pada masa kini bukan sahaja hanya memikul tugas mengajar sahaja, mereka dibebani dengan urusan pejabat dan ko-kurikulum. Ini membuatkan guru-guru tidak mempunyai masa yang cukup untuk menumpukan sepenuh perhatian kepada pentaksiran kerja kursus KHB. Oleh itu guru-guru KHB perlulah mempunyai pengurusan masa yang rapi untuk mengatasi masalah tersebut. Sebagaimana menurut Hassan Ali (1996), perancangan yang rapi dapat membantu seseorang melaksanakan sesuatu dengan teratur dan sistematik.

Penyusunan jadual waktu juga memainkan peranan bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar. Keberkesanan sesuatu pengajaran dan pembelajaran itu bergantung kepada kesesuaian dalam penyusunan jadual waktu (Fowziah, 1995). Dalam kajian ini didapati kebanyakan daripada sekolah menggunakan kombinasi jadual waktu dua waktu (double period) sekali dalam satu masa pengajaran. Ini amat sesuai dengan perjalanan program KH kerana ia memudahkan untuk merancang kerja projek yang berbentuk amali. Jadual waktu yang sistematik kurang menimbulkan masalah kepada guru-guru terutamanya dari segi kelicinan proses pengajaran dan pembelajaran (Fowziah, 1995). Berdasarkan ujian-t yang dijalankan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada aras keertian 0.05 terhadap kesesuaian peruntukan masa antara pengalaman mengajar guru-guru.

8.3 Kemudahan dan alatan bagi proses pengajaran dan pembelajaran

Daripada hasil kajian yang diperolehi, menggambarkan terdapatnya sedikit masalah yang timbul berkaitan faktor kemudahan dan kelengkapan untuk proses pengajaran dan pembelajaran. Alatan yang terdapat di dalam bengkel tidak mencukupi untuk digunakan oleh pelajar semasa menjalankan kerja amali. Pelajar terpaksa bengkongsi alatan yang terdapat di dalam bengkel, seterusnya menyebabkan proses kerja amali tidak berjalan dengan lancar. Alatan yang tidak mencukupi juga menyebabkan pelajar sukar untuk menguasai kemahiran

menggunakan alatan yang sepatutnya diperolehi. Ini mungkin disebabkan oleh alatan tersebut telah rosak atau pun tidak selamat digunakan. Peratusan responden yang menyatakan alatan yang terdapat di dalam bengkel tidak mencukupi adalah sebanyak 43.4%.

Kenyataan ini disokong oleh Othman Md. Johan (1995), mengatakan bahawakemudahan dan kelengkapan bengkel yang tidak mencukupi akan memberi kesan buruk dalam penyampaian pengajaran. Pelajar-pelajar yang tidak mempunyai alat atau kelengkapan dalam kerja amali akan mengganggu konsentrasi pelajar-pelajar lain. Secara tidak langsung ianya akan mendatangkan masalah dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Untuk memastikan pelajar mencapai tahap penguasaan yang maksima dalam pembelajaran, peralatan dan kemudahan mestilah mencukupi, boleh digunakan dan diselenggara dengan baik. Ketidacukupan peralatan ini menyebabkan pelajar tidak mendapat pengetahuan cara menggunakan dan mengendalikan sesuatu alatan. Pelajar-pelajar mungkin mahir tetapi ditahap yang rendah dan sederhana. Mengikut Saharin (1993), menyatakan dalam kajiannya, kerja amali Kemahiran Hidup tidak dapat dilaksanakan sekiranya peralatan digunakan tidak mencukupi kerana guru tidak mengetahuinya disebabkan tidak berpengetahuan dalam pelaksanaan bengkel. Begitu juga pengetahuan tentang mesin dan pengendalian mesin. Jika mesin dan peralatan di Bengkel Kemahiran Manipulatif berada dalam keadaan baik dan lengkap, ianya akan memudahkan kerja amali Kemahiran Manipulatif (Halimah, 2000). Menurutnya lagi, alatan dan mesin yang berkeadaan baik memerlukan pelaksanaan bengkel yang baik dan semestinya dilakukan oleh mereka yang mahir dan mereka yang mahir perlulah mempunyai pengetahuan.

Hasil kajian juga mendapati sebanyak 33.3% guru-guru KHB tidak bersetujubahawa terdapat tempat penyediaan bahan untuk guru di dalam bengkel Kemahiran Hidup. Ini menjelaskan bahawa, betapa pentingnya tempat penyediaan bahan untuk guru-guru KHB sebelum menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran. Bengkel yang tidak mempunyai tempat penyediaan bahan menyebabkan guru-guru tidak dapat membuat persediaan dengan lebih lancar untuk memperkenalkan bahan dan alatan kepada pelajar sebelum proses pengajaran dan pembelajaran.

Kenyataan Othman Md. Johan (1995), keadaan fizikal bilik darjah yang sesuai patutlah diwujudkan. Kelas seharusnya cukup besar untuk menampung semua pelajar dalam keadaan yang selesa. Baharudin Othman (1998), pula menyatakan bahawa iklim dan susun atur peralatan di bilik darjah yang terancang dan sesuai dengan aktiviti-aktiviti pendidikan akan membawa kesan yang positif dan dapat mempertingkatkan prestasi dalam pembelajaran.

Walaubagaimanapun secara keseluruhan, analisis yang dijalankan menunjukkan bahawa persoalan kajian ketiga mencatatkan nilai min tinggi iaitu sebanyak 3.7 dengan peratus responden yang bersetuju terhadap 10 item yang dikemukakan mencatat nilai 76.7% daripada 30 responden yang digunakan dalam kajian ini. Hasil daripada ujian -t yang dijalankan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada aras keertian 0.05 terhadap kesesuaian kemudahan dan alatan antara pengalaman mengajar guru-guru.

8.4 Kesesuaian kaedah tunjuk cara (demonstrasi) dalam pengajaran dan pembelajaran

Daripada analisis yang dijalankan pada persoalan ke empat menunjukkan bahawa guru-guru KHB di daerah Kuala Krai amat bersetuju terhadap kesemua 10 item yang dinyatakan di dalam persoalan kajian ke empat. Nilai min keseluruhan untuk persoalan kajian ke empat mencatat nilai sebanyak 3.9.

Ini menunjukkan bahawa guru-guru KHB Kuala Krai amat bersetuju dengan menggunakan kaedah tunjuk cara (demonstrasi) amat sesuai untuk proses pengajaran

dan pembelajaran mata pelajaran Kemahiran Teknikal. Guru-guru KHB Kuala Krai juga bersetuju bahawa apabila menggunakan teknik tunjuk cara (demonstrasi) maka proses pengajaran dan pembelajaran akan lebih berkesan. Kebanyakan kerja-kerja amali dan kerja-kerja lukisan teknikal yang terdapat dalam subjek Kemahiran Teknikal sememangnya memerlukan pemahaman yang jelas daripada pelajar sebelum melakukan aktiviti.

Bagi kerja-kerja amali yang menggunakan peralatan atau mesin yang berbahaya, ia sememangnya memerlukan demonstrasi daripada guru-guru sebelum para pelajar menggunakannya. Ini adalah bertujuan mengelakkan bahaya kecederaan kepada pelajar sekiranya penggunaan tidak betul dilakukan oleh pelajar. Kaedah Pengajaran sememangnya penting bagi memastikan para pelajar dapat menguasai kemahiran dan objektif yang ditetapkan. Guru-guru seharusnya melihat dan memilih kaedah yang sesuai untuk membolehkan pelajar mencapai kemahiran secara lebih mantap dan menyeluruh.

Sharifah Alawiyah Alsagoff (1986) mengatakan bahawa kaedah mengajar ialah peredaran ke arah satu tujuan pengajaran yang telah dirancang dengan teratur. Hasan Langgulung (1981) pula mengatakan bahawa kaedah itu sebenarnya bermaksud jalan untuk mencapai tujuan. Jadi, apa saja cara yang guru lakukan untuk memberi kefahaman kepada pelajar bagi mencapai objektif pengajaran, maka itu adalah kaedah. Melihat kepada contoh-contoh yang diutarakan oleh Sharifah Alawiyah Alsagoff (1986), Mok Soon Seng (1992), Rashidi Azizan & Abdul Razak Habib (1995), Atan Long (1980) dan Mahfudh Salahuddin (1987), nampaknya yang dikatakan kaedah itu ialah yang ada nama, seperti kaedah kuliah, demonstrasi, simulasi, inquiri penemuan, Forebel dan sebagainya. Hasil daripada ujian –t yang dijalankan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada aras keertian 0.05 terhadap kesesuaian kaedah tunjuk cara (demonstrasi) antara pengalaman mengajar guru-guru.

RUJUKAN

- Abdul Raof Dalip dan T. Subahah Mohd Merah (1991). *Isu-isu Latihan Mengajar*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Abu Bakar Nordin (1991). *Kurikulum Perpektif dan Perlaksanaan*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara Sdn. Bhd.
- Atan Long (1978). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atan Long (1980). *Pedagogi Kaedah Am Mengajar*. Petaling Jaya: Fajar Bakti. Sdn. Bhd.
- Brophy, Jere (1998). *Motivating Students To Learn*. United States of America: Mc Graw Hill Company.
- Baharudin Othman (1998). *Iklim Dan Susun Atur Bilik Darjah Mempengaruhi Prestasi Pengajaran Dan Pembelajaran: Pendekatan Penyelidikan Tindakan*. Tempawan, Jilid xvi (15).
- Ee Ah Meng (1990). *Pedagogi Satu Pendekatan Bersepadu*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Fowziah Othman (1995). *Penilaian Program Peralihan Kemahiran Hidup (Pilihan B) Tingkatan Satu Di Wilayah Persekutuan*. Jurnal Berita Pendidikan: 95-112.
- Hasan Langgulung (1981). *Beberapa tinjauan dalam pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Hassan Mohd Ali (1996). *Strategi Lulus Peperiksaan Dengan Cemerlang*. Kuala Lumpur: Utusan Publishing dan Distributor Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan (1994). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kamus Dewan (1989). Edisi Baru . Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Laporan Mesyuarat Mata Pelajaran Teknikal di Sekolah Menengah Akademik* (1998), Jabatan Pendidikan Teknikal, Kementerian Pendidikan Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Mahfuzdh Shalahuddin (1987). *Metodologi Pendidikan Islam*. Surabaya: Bina Ilmu.
- Mardevan (1990). *Pendidikan Teknik Dan Vokasional di Malaysia*. Petaling Jaya: IBS Buku Sdn. Bhd.
- Mohd Majid Konting (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur :Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mok Soon Sang (1996). *Pendidikan Di Malaysia Untuk Diploma Perguruan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.
- Musa bin Daia (1992). *Kaedah dan Teknik Pengajaran*. Johor Bahru: Badan Store Sdn Bhd.
- Neidemeyer (1987): Dalam Hussein Mahmood (1993). *Kepimpinan Dan Keberkesanan Sekolah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Noraini Dawood (1999). *Status Mata Pelajaran KHB Dikalangan Pelajar-Pelajar Tingkatan 4 Sekolah Menengah Tun Ismail, Parit Raja, Batu Pahat*. UTM :Tesis Sarjana Muda.
- Othman Md. Johan (1995). *Penggunaan Alat Bantu Mengajar Dalam Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu Di Sekolah-Sekolah Menengah Harian*. Kertas Kerja Persidangan Kebangsaan Pendidikan Teknikal Dan Kejuruteraan, Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia Dan Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia (Dijilid).
- Pusat Perkembangan Kurikulum (1989). *Draf Kemahiran Hidup Program Peralihan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum (1992). *Huraian Sukatan Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu Tingkatan III*. Kuala Lumpur : Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum (2002). *Huraian Sukatan Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Ramachandran dan Azni Jaffar (2003). *Persepsi Guru Pelatih tentang Keberkesanan Pelaksanaan Sukatan Pelajaran Kemahiran Hidup Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) dalam Membantu Mereka Menjalani Program Praktikum –Satu Tinjauan dari Aspek Pedagogi*. Maktab perguruan Batu pahat.
- Rashidi dan Abd Razak (1996). *Pengajaran Dalam Bilik Darjah Kaedah Dan Strategi*. Kajang Selangor: Masa Enterprise.
- Rohana (1996). *Pelaksanaan Kemahiran Hidup Dalam Melahirkan Pelajar Berketrampilan Di Sekolah Menengah*. Latihan ilmiah Universiti Putra Malaysia. Tesis Sarjana (Tidak diterbitkan).
- Saharin Mohd Yassin (1993) .*Pengurusan Makmal Mata Pelajaran Kemahiran Hidup*. Projek Sarjana Muda: UTM.
- Salleh Hassan (1994). *Kurikulum Kemahiran Hidup : Perubahan dan harapan*. Utusan Malaysia 13 Oktober, 1994.
- Sharifah Alawiyah Alsagoff (1983). *Ilmu Pendidikan : Pedagogi*. Kuala Lumpur: Heinemann Sdn. Bhd.
- Sharifah Alawiyah Alsagoff (1986). *Ilmu pendidikan: pedagogi*. Kuala Lumpur: Heinemann.
- Siti Rabiah Naim (1999). *Persepsi Pelajar Sekolah Menengah Agama Rakyat Daerah Pontian terhadap pelaksanaan mata pelajaran KHB*. UTM : Tesis Sarjana Muda.
- Stufflebeam, D.I. et al (1971). *Educations evaluation and decision making*. Itaca 11. Peacock.
- Yahya Emat (1993). *Pendidikan Teknik Dan Vokasional di Malaysia*. Petaling Jaya: IBS Buku Sdn. Bhd.